

ANALISA STRES TERHADAP KONTRAKTOR BINAAN

DAYANG SABRIAH BINTI SAFRI

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2008

ABSTRAK

Perkembangan pesat dalam industri pembinaan di Malaysia memerlukan tenaga penggerak yang cekap dan mahir untuk mengawal perancangan terutamanya dari aspek kualiti, kos dan masa. Tambahan pula pelbagai rancangan pembangunan oleh pihak kerajaan seperti Iskandar Malaysia sedang rancak dijalankan. Salah satu pihak penting yang terlibat secara langsung dalam industri pembinaan ini ialah kontraktor pembinaan. Kontraktor terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah yang timbul dari persekitaran kerja mereka. Dalam pada itu, untuk terus kekal bertahan dalam industri ini, pihak kontraktor bekerja melebihi masa kerja yang sepatutnya. Akibatnya, kontraktor pembinaan berhadapan dengan stres yang melebihi takat kemampuan mereka. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti tahap dan strategi mengatasi stres di kalangan kontraktor pembinaan. Seramai 37 orang kontraktor pembinaan di negeri Johor dipilih secara rawak mudah untuk menjawab borang soal selidik yang mengandungi ujian tahap stres kerja profesional dan soalan strategi mengatasi stres yang dibangunkan oleh Lazarus dan Folkman (1984). Data yang dikumpulkan telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Microsoft Excel 2003*. Analisis data menggunakan kaedah statistik deskriptif telah dijelaskan dalam bentuk jadual dan gambarajah dengan huraian dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa tahap stres kontraktor pembinaan secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana. Selain itu, untuk pendekatan mengatasi stres kerja yang diamalkan oleh responden, cara bertindak berfokus kepada masalah merupakan strategi yang paling banyak digunakan oleh kontraktor pembinaan berbanding cara bertindak berfokus kepada emosi. Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk mengurus masalah stres di kalangan kontraktor pembinaan.

ABSTRACT

Rapid growth in the Malaysian construction industry needs an efficient and expert leader to control planning especially in the aspect of quality, cost and time. Moreover, various development plans by government such as Iskandar Malaysia is actively carried out. One of the important parties involves directly in construction industry is contractors. Contractors have to encounter a lot of problems that arise from their work environment. To survive in the industry, they have to work extremely cautious through extra long hours. As a result, the contractors is encounter a stress that over-extend their ability. Therefore, there is a need for a research to determine the stress levels and the coping styles used by the construction contractors in Malaysia to cope with work-related stress. Approximately 37 contractors in Johor State were selected randomly to answer the questionnaire, which consists of the Professional Life Stress Test and questions regarding coping stress strategy that developed by Lazarus and Folkman (1984). The data were analyzed using *Microsoft Excel 2003*. Data analysis was carried out based on descriptive statistic approach and it is shown in forms of timetable and chart with brief explanations of frequency, percentage and mean. The result of the study indicates that respondents' stress level were only in moderate level. The result also reveals that for the coping stress strategies, majority respondents using problem focused coping style compare to emotional focused coping style. Some suggestions are made to manage stress problem among construction contractors.